

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful Malaysia Budi. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah ciri-ciri pelan ini?

Pelan ini adalah pelan Takaful caruman tetap yang menyediakan perlindungan untuk kematian dan Keilatan Menyeluruh dan Kekal ("KMK") dengan pilihan untuk melabur dalam pilihan Dana Berkaitan Pelaburan ("ILF") anda. Pelan ini juga menyediakan Manfaat Perbelanjaan Kematian Dipercepatkan apabila berlaku kematian kepada orang yang dilindungi. Selain itu, pelan ini turut dilengkapi dengan pelbagai caruman pilihan rider berbayar yang menyediakan jenis perlindungan berbeza, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyakit kritikal, kemalangan, manfaat kemasukan ke hospital dan perlindungan ke atas caruman yang perlu dibayar. Pelan ini matang pada umur [maturity_age] tahun hari lahir akan datang.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma suatu amaun daripada Akaun Peserta ke dalam Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko") untuk membantu peserta-peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta mencarum ke dalam Dana Risiko.
- Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Kami") untuk menguruskan Sijil ini dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah dan Caj Perkhidmatan. Di samping itu, mana berkenaan, peserta membenarkan Takaful Malaysia menerima Caj Pengurusan Dana untuk menguruskan ILF.
- Ju'alah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang telah berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah pelan ini, peserta membenarkan Takaful Malaysia untuk menerima lima belas peratus (15%) daripada keuntungan pelaburan daripada Akaun Peserta dan lima puluh peratus (50%) daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Risiko, jika ada, sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan Akaun Peserta dan Dana Risiko masing-masing yang menghasilkan keuntungan dan lebihan.
- Qard** merujuk kepada pinjaman tanpa sebarang faedah. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Dana Risiko tanpa faedah sekiranya Dana Risiko mengalami defisit untuk membayar tuntutan.
- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. Di bawah pelan ini, manfaat yang perlu dibayar daripada Dana Risiko adalah berdasarkan Hibah. Penama boleh menerima pembayaran manfaat sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini (juga dikenali sebagai "Pelan Asas" dalam dokumen ini) melindungi:

No.	Manfaat	Deskripsi Manfaat
Pelan Asas		
1.	Manfaat Perbelanjaan Kematian Dipercepatkan	Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, Kami akan memberi bantuan kewangan segera RM [min(10%sum_covered,10,000)] tanpa sebarang soalan ditanya. Manfaat ini akan dibayar seurus selepas notis tuntutan kematian dan akan mengurangkan jumlah perlindungan Manfaat Kematian seperti yang dinyatakan dalam 2.(a.) di bawah.
2.	Manfaat Kematian	Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, jumlah sekaligus berikut akan dibayar: a. RM [sum_covered]; dan b. Jumlah Nilai Akaun, jika ada.
3.	Manfaat KMK	Apabila orang yang dilindungi mengalami KMK sebelum umur 70 tahun pada hari lahir akan datang, jumlah sekali gus berikut akan dibayar: a. RM [sum_covered]; dan b. Jumlah Nilai Akaun, jika ada.

4.	Manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan	Sekiranya <i>myPayor</i> atau <i>myPayor Plus</i> disertakan dalam sijil pada permulaan, Kami akan membayar Manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan mengikut pencapaian di dalam peperiksaan yang diambil oleh orang yang dilindungi mengikut jadual di bawah: <table><tr><th>Jenis Peperiksaan</th><th>SPM / GCSE</th><th>STPM</th><th>STAM</th><th>A Level</th></tr><tr><td><u>Kepujian Minimum yang Diperlukan</u> Gred bersamaan dengan "Mumtaz", "Gred A-", "Gred A", "Gred A+" atau "Gred A*"</td><td>Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan</td><td>Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan</td><td>Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan</td><td>Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan</td></tr><tr><td>Ganjaran setiap Kepujian</td><td colspan="4">RM125</td></tr></table>	Jenis Peperiksaan	SPM / GCSE	STPM	STAM	A Level	<u>Kepujian Minimum yang Diperlukan</u> Gred bersamaan dengan "Mumtaz", "Gred A-", "Gred A", "Gred A+" atau "Gred A*"	Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Ganjaran setiap Kepujian	RM125			
Jenis Peperiksaan	SPM / GCSE	STPM	STAM	A Level													
<u>Kepujian Minimum yang Diperlukan</u> Gred bersamaan dengan "Mumtaz", "Gred A-", "Gred A", "Gred A+" atau "Gred A*"	Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan													
Ganjaran setiap Kepujian	RM125																
5.	Manfaat Kematangan	Apabila sijil matang, sebarang Jumlah Nilai Akaun akan dibayar.															

Nota:

- Jumlah Akaun Nilai merujuk kepada sebarang baki di dalam AP tambah sebarang baki di dalam *ILF*, jika berkenaan.
- Lien kanak-kanak dikenakan untuk orang yang dilindungi berumur kurang daripada 5 tahun hari lahir akan datang.
- Tempoh perlindungan untuk Pelan Asas adalah **[coverage_term]** tahun.

Anda boleh meningkatkan perlindungan Takaful pelan ini dengan menambah perlindungan tambahan daripada caruman pilihan rider berbayar Kami. Rider berikut disediakan tertakluk kepada tambahan Tabarru' dan bayaran caruman.

No.	Manfaat	Deskripsi Manfaat
Caruman Pilihan Rider Berbayar		
1.	<i>myHospital Cash</i>	Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital disebabkan penyakit (tertakluk kepada tempoh menunggu) atau kecederaan akibat kemalangan, rider ini membayar:- - Manfaat Penghospitalan [rider_sc] untuk kemasukan harian lengkap di wad biasa hospital, tertakluk kepada maksimum 180 hari setiap tahun sijil. - Manfaat <i>ICU</i> [200%rider_sc] adalah untuk kemasukan harian lengkap di Unit Rawatan Rapi ("<i>ICU</i>") hospital, tertakluk kepada maksimum 30 hari untuk setiap satu keilatan. <i>Sekiranya orang yang dilindungi berumur 1 dan 2 tahun pada hari lahir akan datang ketika tuntutan, Manfaat Penghospitalan atau Manfaat ICU akan dibayar masing-masing 50% dan 75%.</i>
2.	<i>myCritical Illness</i>	Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana daripada 48 penyakit kritikal (tertakluk kepada tempoh menunggu), [rider_sc] akan dibayar. Pada masa yang sama, jumlah perlindungan Pelan Asas akan dikurangkan dengan jumlah manfaat yang sama yang telah dibayar di bawah rider ini. Untuk angioplasti dan rawatan invasif lain bagi perlindungan penyakit arteri koronari di bawah peristiwa penyakit kritikal, [min(25000,10%rider_sc)] akan dibayar. Pembayaran tersebut tidak akan menamatkan rider ini, tetapi mengurangkan jumlah perlindungan Pelan Asas dan rider ini sewajarnya.

		Lien kanak-kanak dikenakan untuk orang yang dilindungi berumur kurang daripada 5 tahun hari lahir akan datang.
3.	myMultipay Critical Illness	Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana daripada 47 penyakit kritikal (tertakluk kepada tempoh menunggu), [rider_sc] akan dibayar dengan syarat orang yang dilindungi bertahan sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis penyakit kritikal. Rider ini membenarkan orang yang dilindungi membuat 3 tuntutan dan sehingga 3 kali ganda daripada jumlah perlindungan rider sepanjang tempoh rider ini. Setiap keadaan penyakit kritikal boleh dituntut sekali sahaja dan tempoh menunggu sekurang-kurangnya 12 bulan akan dikenakan antara setiap tuntutan penyakit kritikal. Lien kanak-kanak dikenakan untuk orang yang dilindungi berumur kurang daripada 5 tahun hari lahir akan datang.
4.	myPA	Apabila berlaku kematian akibat kemalangan, kehilangan anggota atau keilangan orang yang dilindungi semasa tempoh perlindungan, peratusan [rider_sc] akan dibayar mengikut Skala Indemniti dalam Lampiran. Tambahan, indemniti berganda (iaitu [rider_sc]) akan dibayar sekiranya berlaku kematian akibat kejadian berikut:- - perjalanan sebagai penumpang dalam pengangkutan awam; - menaiki elevator atau lif elektrik (elevator atau lif elektrik di lombong atau di dalam bangunan dalam pembinaan tidak termasuk); atau - akibat daripada pembakaran mana-mana teater, pawagam, hotel atau bangunan awam lain di mana orang yang dilindungi berada di tempat kejadian pada masa kebakaran bermula.
5.	myIhram	Sekiranya berlaku kematian atau KMK (sebelum umur 70 tahun hari lahir akan datang) orang yang dilindungi, amaun sekaligus [rider_sc] akan dibayar. Selain itu, jika kematian atau KMK (sebelum umur 70 tahun hari lahir akan datang) orang yang dilindungi disebabkan oleh kemalangan semasa perjalanan haji / umrah, tambahan [rider_sc] akan dibayar. Bukti visa haji / umrah mesti disediakan semasa penghantaran tuntutan.
6.	myWaiver	Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana daripada 47 penyakit kritikal selepas tempoh menunggu, caruman masa depan [rider_sc] akan diketepikan bermula dari tarikh tamat caruman seterusnya seurus selepas berlakunya kejadian tersebut sehingga tamat tempoh Pelan Asas.
7.	myPayor	Sekiranya berlaku kematian atau KMK (sebelum umur 70 tahun hari lahir akan datang) kepada peserta, caruman masa depan [rider_sc] akan diketepikan bermula dari tarikh tamat caruman seterusnya seurus selepas berlakunya kejadian tersebut sehingga tamat tempoh Pelan Asas.
8.	myPayor Plus	Sekiranya berlaku kematian, KMK atau diagnosis mana-mana daripada 47 penyakit kritikal terhadap peserta (tertakluk kepada tempoh menunggu), caruman masa depan [rider_sc] akan diketepikan bermula dari tarikh tamat caruman seterusnya seurus selepas berlakunya kejadian tersebut sehingga tamat tempoh Pelan Asas.

Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran untuk tempoh perlindungan rider yang disertakan.

Anda juga boleh meningkatkan baki di dalam ILF dengan menambah caruman tambahan secara tetap melalui mySaver pada bila-bila masa atau caruman tambahan tunggal selepas lima belas (15) hari kalendar dari sijil dimulakan.

4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

- Jumlah caruman yang anda perlu bayar dan terma sijil perlindungan adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Kami.
- Jumlah caruman yang anda perlu bayar di bawah pelan ini adalah RM [contribution] [mode_payment]. Anda mempunyai pilihan untuk membuat caruman secara bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan.
- Tempoh caruman untuk pelan ini adalah [contribution_term] tahun.

Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran untuk maklumat lanjut mengenai caruman berbayar anda untuk Pelan Asas dan rider yang disertakan.



Caruman yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, cth. manfaat kematian. Sekiranya anda sedang mencari sijil takaful dengan elemen simpanan / pelaburan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan pelan ini dengan pulangan berkesan alternatif pelaburan lain.

5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

- Yuran Wakalah ditolak awal sebagai peratusan caruman untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan Kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen). Sila rujuk butiran yuran Wakalah dan komisen di bawah.

- Caruman Asas dan Rider untuk sepuluh (10) tahun sijil pertama (kecuali caruman *mySaver*)

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Caruman Dibayar (RM)	[Cont]	[Cont]	[Cont]	[Cont]	[Cont]	[Cont]	[Cont]	[Cont]	[Cont]	[Cont]
Yuran Wakalah (%)	[WF%]	[WF%]	[WF%]	[WF%]	[WF%]	[WF%]	[WF%]	[WF%]	[WF%]	[WF%]
Yuran Wakalah (RM)	[WF]	[WF]	[WF]	[WF]	[WF]	[WF]	[WF]	[WF]	[WF]	[WF]
Komisen (%)	[Com%]	[Com%]	[Com%]	[Com%]	[Com%]	[Com%]	[Com%]	[Com%]	[Com%]	[Com%]
Komisen (RM)	[Com]	[Com]	[Com]	[Com]	[Com]	[Com]	[Com]	[Com]	[Com]	[Com]

- Caruman *mySaver*

Yuran Wakalah: [X%] daripada caruman *mySaver* sepanjang tempoh perlindungan berjumlah RM [X% * mySaver contribution] [payment mode].

Komisen: [X%] daripada caruman *mySaver* sepanjang tempoh perlindungan berjumlah RM [X% * mySaver contribution] [payment mode].

- Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada AP dan dikreditkan ke dalam Dana Risiko. Tabarru' adalah berbeza bergantung pada jumlah perlindungan, umur yang dicapai, jantina dan kelas pekerjaan orang yang dilindungi (mana berkenaan) dan mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan Kami. Namun, Tabarru' tidak dijamin. Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk jumlah Tabarru' yang dikenakan di bawah Pelan Asas dan rider yang disertakan.
- Caj lain adalah seperti berikut:
 - Caj Perkhidmatan RM5 sebulan untuk Pelan Asas dan RM1 sebulan untuk setiap rider yang disertakan.
 - Caj Pengurusan Dana antara 1.0 – 1.5% Nilai Aset Bersih ("NAV") setahun adalah untuk menampung kos pentadbiran pelaburan dan pengurusan *ILF*. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Fakta Dana untuk Caj Pengurusan Dana ke atas *ILF* pilihan anda.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

- Tanggungjawab Pendedahan** – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tempoh Penelitian Percuma** – Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk

caruman yang telah dibayar untuk Pelan Asas dan rider yang disertakan kecuali untuk *mySaver*. Untuk *mySaver*, amaun pembatalan dibayar sama dengan jumlah:

- caruman yang tidak diperuntukkan;
- nilai unit yang telah ditolak (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya; dan
- sebarang caj yang telah ditolak;

kurang sebarang perbelanjaan yang telah ditanggung untuk pemeriksaan kesihatan orang yang dilindungi.

- c. Amaun yang telah diletakkan di bawah AP dan *ILF* dan keuntungan pelaburan yang timbul daripada AP tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
- d. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaat mungkin kurang daripada jumlah caruman yang dibayar.
- e. Sekiranya *myHospital Cash* disertakan dalam sijil anda, rider yang berkenaan akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari dari tarikh kuat kuasa risiko atau sebarang tarikh kuat kuasa semula rider, yang mana kemudian, kecuali kecederaan akibat kemalangan.
- f. Sekiranya *myCritical Illness*, *myMultipay Critical Illness*, *myWaiver* dan/atau *myPayor Plus* disertakan dalam sijil anda, rider yang berkenaan akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama enam puluh (60) hari dari tarikh kuat kuasa risiko atau sebarang tarikh kuat kuasa semula rider, yang mana kemudian, bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari. Bagi penyakit kritikal selain daripada yang di atas, tempoh menunggu bererti tiga puluh (30) hari dari tarikh kuat kuasa risiko atau sebarang tarikh kuat kuasa semula rider, yang mana kemudian. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Lampiran untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.
- g. Sekiranya *myMultipay Critical Illness* disertakan dalam sijil anda, rider ini akan tertakluk kepada tempoh hidup selama tiga puluh (30) hari selepas orang yang dilindungi didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi.
- h. Sekiranya *mySaver* disertakan dalam sijil anda, anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Fakta Dana bagi *ILF* yang telah anda pilih untuk strategi pelaburan dan jenis pelaburan aset.
- i. **Peruntukan Tanpa Luput** – Sekiranya anda terus membayar caruman secara penuh dan dikemaskini, sijil anda tidak akan luput dalam tempoh lima (5) tahun sijil pertama. Peruntukan Tanpa Luput akan dibatalkan jika caruman tidak dibayar tepat pada masanya, dan sijil akan luput jika jumlah AP dan *ILF* tidak mencukupi untuk menampung Tabarru' dan Caj Perkhidmatan bagi Pelan Asas dan rider yang disertakan.
- j. **Luput** – Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan akan diberikan apabila baki dalam AP dan *ILF* telah habis. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya AP tidak mencukupi untuk menampung Tabarru' dan Caj Perkhidmatan untuk Pelan Asas dan rider yang disertakan, Kami akan menolak caj yang diperlukan daripada *ILF* untuk mengelakkan sijil luput.
- k. Anda harus mencalonkan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda dalam pelan ini.
- l. Sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan, anda harus memberitahu Kami dengan segera. Anda boleh merujuk kepada prosedur tuntutan dalam sijil anda.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah Pelan Asas dan rider yang disertakan.

7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

Pelan ini tidak melindungi perkara berikut:

Manfaat Kematian

- a. Kematian akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kuat kuasa risiko atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana kemudian.

Manfaat KMK

- a. KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa risiko atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana kemudian; atau
- b. KMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
 - i. cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
 - ii. penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
 - iii. peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;

- iv. sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau pengganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh orang yang dilindungi;
- v. semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
- vi. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (*HIV*) atau keadaan yang berkaitan.

Manfaat Penyakit Kritikal

- a. Penyakit kritikal yang telah wujud pada tarikh kuat kuasa risiko atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana kemudian;
- b. Penyakit kritikal dimana:
 - i. Sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa tempoh menunggu atau selepas tamat tempoh menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa tempoh menunggu, kecuali bagi penyakit kritikal yang dialami akibat kecederaan; atau
 - ii. Tanda-tanda atau simptom-simptom yang wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mendorong seseorang mendapatkan rawatan dan perhatian perubatan, walaupun diagnosis yang terhasil berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
- c. Tuntutan bagi penyakit kritikal yang diperihalkan di dalam b.(i.) dan/atau b.(ii.) di atas tidak boleh diterima jika pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada Kami selepas tamat tempoh menunggu;
- d. Sebarang penyakit secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau berpunca daripada bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses penyelenggaraan pembelahan nuklear;
- e. Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
- f. Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.

Manfaat Penghospitalan

- a. Penyakit Sedia Ada;
- b. Penghospitalan disebabkan oleh Penyakit atau Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu.
- c. Kehamilan, bersalin (termasuk bersalin secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan, penjagaan pranatal atau selepas bersalin dan kaedah kawalan kelahiran atau kontraseptif secara pembedahan, mekanikal atau kimia dan rawatan yang berkaitan dengan ketidaksuburan/kemandulan. Disfungsi erektal dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- d. Gangguan psikotik, mental atau saraf, termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya.
- e. Penyakit atau Kecederaan yang berlaku semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan yang mengubah minda.
- f. Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, jenayah, atau aktiviti pengganas, tugas aktif dalam mana-mana angkatan tentera, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam.
- g. Pengionan, radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata api nuklear.
- h. Sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau sebarang aktiviti jenayah atau pengganas yang dimulakan hasil hasutan olehnya.
- i. Cubaan bunuh diri atau Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.
- j. Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana syarikat penerbangan berjadual komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- k. Penyakit atau Kecederaan akibat daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti di dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram.
- l. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*), jangkitan Human Immunodeficiency Virus (*HIV*) atau keadaan yang berkaitan.
- m. Penghospitalan yang dianggap sebagai tidak munasabah dan tidak Perlu Dari Segi Perubatan mengikut diagnosis dan rawatan untuk keadaan/penyakit berikut.
- n. Pemeriksaan atau perundingan perubatan rutin, penjagaan dan rawatan kosmetik atau pergigian atau pembedahan plastik, pendermaan organ atau tisu, prosedur menukar jantung, pembedahan eksperimen atau elektif atau anomali kongenital.

Manfaat Kemalangan

- a. peperangan (tidak kira peperangan diisytiharkan atau tidak) atau operasi peperangan, penaklukan, perlakuan musuh luar, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, kekacauan awam kerana menyangka adanya kebangkitan ketenteraan, kebangkitan kuasa, penentangan, ketenteraan atau rampasan kuasa atau sebarang perlakuan orang yang dilindungi yang bertindak bagi pihak atau berhubungan aktif dengan sebarang organisasi yang bertujuan mengguling mana-mana kerajaan secara paksa atau mempengaruhinya melalui keganasan atau kekerasan;
- b. bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau kontaminasi akibat radioaktiviti dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang penyimpanan-tenaga semasa proses pembelahan atom;
- c. sebarang pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau serangan yang diprovokasinya;
- d. bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- e. penyalahgunaan dadah atau alkohol;
- f. sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal;
- g. melahirkan anak atau keguguran, kehamilan;
- h. penerbangan, meluncur atau apa-apa bentuk penerbangan udara lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan atau perkhidmatan sewa yang diiktiraf;
- i. penyertaan dalam atau latihan untuk sebarang sukan atau pertandingan yang berbahaya atau pertandingan atau menunggang atau memandu dalam sebarang jenis perlumbaan atau pertandingan;
- j. antraks, keracunan darah, erysipelas, keracunan ptomaine, pyaemia, septikemia dan/atau tetanus;
- k. perkhidmatan ketenteraan termasuk tentera laut semasa peperangan samada diisytiharkan atau tidak atau ketika menerima arahan bagi operasi peperangan atau pemulihan aturan awam; atau
- l. Acquired Immunodeficiency Syndrome (*AIDS*), jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (*HIV*) atau keadaan yang berkaitan.

Nota:

Senarai di atas adalah terpakai bergantung pada perlindungan Pelan Asas dan rider yang disertakan. Ia tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil anda untuk senarai lengkap pengecualian di bawah Pelan Asas dan rider yang disertakan.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh meminta untuk membatalkan sijil anda dalam tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar. Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar, sebarang baki dalam AP dan *ILF* akan dibayar. Walau bagaimanapun, menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Baki terkumpul yang anda boleh dapatkan apabila menyerahkan sijil sebelum tempoh matang akan jauh lebih rendah daripada jumlah caruman yang anda telah bayar.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Takaful Malaysia sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful keluarga, sila hubungi Takaful Malaysia di:

Unit Khidmat Pelanggan (UKP)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

P.O.Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1300 88 252 385

E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan.

Sila ajukan pertanyaan kepada wakil jualan Kami untuk lain-lain jenis pelan serupa yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia.

NOTIS PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN KAMI ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuat kuasa pada [MM/YYYY].

LAMPIRAN – SENARAI PENYAKIT KRITIKAL DILINDUNGI UNTUK [product_ci_selected]
Senarai Penyakit Kritikal

1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	25. Transplantasi Organ Utama / Sumsum Tulang
2. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari*	26. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
3. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27. Sklerosis Berbilang
4. Tumor Otak Benign – dengan tahap keparahan tertentu	28. Distrofi Otot
5. Buta – Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	29. Lumpuh anggota badan
6. Pembedahan Otak	30. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7. Kanser – tahap keparahan tertentu dan tidak melindungi kanser yang sangat awal	31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – dengan keterukan tertentu
8. Kardiomiopati – tahap keparahan tertentu	32. Penyakit Arteri Koronari yang Serius
9. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang kekal	33. Strok – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
10. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan	34. Pembedahan kepada Aorta
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	35. Sistemik Lupus Erythematosus dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
12. Pekak – Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	36. Lecur Tahap Ketiga – tahap keparahan tertentu
13. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	37. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) yang dijangkiti akibat Pekerjaan
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir	38. Penyakit Terminal
15. Penyakit Paru – Paru Tahap Akhir	39. Penyakit Cystic Medullary
16. AIDS Penuh	40. Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
17. Hepatitis Viral Fulminant	41. Hepatitis Autoimun Kronik
18. Serangan Jantung – tahap keparahan tertentu	42. Pankreatitis Berulang Kronik
19. Pembedahan Injap Jantung	43. Penyakit Creutzfeldt-Jakob
20. Jangkitan HIV Disebabkan Pemindahan Darah	44. Demam Berdarah Ebola
21. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang	45. Elephantiasis
22. Kehilangan Kewujudan Bebas	46. Poliomyelitis
23. Kehilangan Pertuturan	47. Skleroderma Progresif
24. Trauma Kepala Utama – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	48. Sindrom Eisenmenger yang Teruk

*Tidak berkenaan dengan *my*Multipay Critical Illness, *my*Waiver dan *my*Payor Plus.

LAMPIRAN – SKALA INDEMNITI UNTUK myPA

Seksyen	Deskripsi Peristiwa Berbayar	Peratus Jumlah Perlindungan
A.	Kematian Akibat Kemalangan	100%
B.	Kematian Akibat Kemalangan – Indemniti Berganda	200%
C.	Keilangan Kekal Akibat Kemalangan	
	1. Kehilangan dua anggota badan	100%
	2. Kehilangan kedua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
	3. Kehilangan menyeluruh penglihatan kedua-dua mata	100%
	4. Lumpuh menyeluruh	100%
	5. Kehilangan penglihatan sebelah mata	50%
	6. Kehilangan lengan	
	a. di bahu	100%
	b. antara bahu dan siku	100%
	c. di siku	100%
	d. antara siku dan pergelangan tangan	100%
	e. di pergelangan tangan	100%
	7. Kehilangan kaki	
	a. di pinggul	100%
	b. antara lutut dan pinggul	100%
	c. lutut ke bawah	100%
	8. Hilang pendengaran	
	a. kedua-dua belah telinga	75%
	b. sebelah telinga	15%
	9. Kehilangan keupayaan bertutur	50%
	10. Kehilangan jari	
	a. Empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
	b. Empat jari sebelah tangan	40%
	c. Ibu jari	
	1. kedua-dua ruas	25%
	2. satu ruas	10%
	d. Jari telunjuk	
	1. tiga ruas	10%
	2. dua ruas	8%
	3. satu ruas	4%
	e. Jari tengah	
	1. tiga ruas	6%
	2. dua ruas	4%
	3. satu ruas	2%
	f. Jari manis	
	1. tiga ruas	5%
	2. dua ruas	4%
	3. satu ruas	2%
	g. Jari kecil	
	1. tiga ruas	4%
	2. dua ruas	3%
	3. satu ruas	2%
	h. Metakarpal	
	1. pertama atau kedua (tambahan)	3%
	2. ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
	i. Jari kaki	
	1. Kesemua jari pada sebelah kaki	15%
	2. ibu jari kaki, kedua-dua ruas	5%

	3. satu ruas ibu jari kaki	2%
	4. selain ibu jari kaki jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	1%

Nota:

- Kehilangan kekal sepenuhnya ahli dianggap sebagai kehilangan ahli.
- Jika mana-mana keilangan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada kehilangan deria rasa atau bau, Kami akan menerima pakai peratusan keilangan yang pada pendapat Kami tidak bercanggah dengan peruntukan di atas.
- Agregat semua peratusan yang perlu dibayar berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah perlindungan ATAU 200% daripada jumlah perlindungan (untuk indemniti berganda) rider ini.

Helaian Penerangan Produk menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda sertai rider takaful terbaik yang memenuhi keperluan anda. Anda perlu membaca Sijil dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perlindungan anda.

KETAHUI LEBIH LANJUT


Langkah 1 Adakah rider ini tepat untuk anda?

Sijil takaful ini melindungi penghospitalan dan perbelanjaan pembedahan ("H&S") yang berlaku akibat penyakit yang dilindungi di bawah sijil sehingga [maturity age] tahun hari lahir akan datang ("ANB").

Caruman takaful anda akan digabungkan dengan caruman peserta takaful yang lain untuk membayar tuntutan. Sekiranya jumlah tuntutan yang dibayar dari Tabung Takaful adalah tinggi, caruman takaful bagi setiap peserta dalam Tabung Takaful yang sama akan dinaikkan, termasuk caruman takaful anda walaupun anda tidak membuat tuntutan.

Langkah 2 Adakah rider ini memenuhi keperluan anda?

Apakah yang dilindungi?

- ✓ Bilik & Penginapan Hospital : RM[Room & Board]
- ✓ Perbelanjaan pembedahan : Seperti yang dicaj, tertakluk kepada deduktibel [Deductible Limit], setiap keilatan
- ✓ Rawatan Kesakitan Pesakit Luar : Seperti yang dicaj
- ✓ Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar : Seperti yang dicaj

Manfaat yang dibayar adalah atas dasar tanpa tunai dan tertakluk kepada:

- ✓ Had Tahunan Keseluruhan : [Total Annual Limit]
- ✓ Had Seumur Hidup Keseluruhan : Tiada Had Seumur Hidup

Apakah yang tidak dilindungi?

- ✗ Sebarang tuntutan akibat penyakit sedia ada.
- ✗ Sebarang tuntutan yang disebabkan oleh Penyakit atau Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu.
- ✗ Kehamilan atau melahirkan anak.
- ✗ Sebarang jagaan atau rawatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau siasatan.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran dengan mengimbas kod QR di atas dan rujuk kepada Sijil bagi maklumat penuh mengenai apakah yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Langkah 3 Bolehkah anda menampung peningkatan caruman takaful dari semasa ke semasa?

Jadual Unjuran Caruman Takaful

Umur	Caruman takaful [mode of payment] semasa pada umur dicapai (RM)	Jangkaan caruman takaful [mode of payment]		Dalam jangka masa panjang, anda boleh mengurangkan caruman takaful yang perlu dibayar dengan memilih pelan yang mempunyai:
		Berdasarkan inflasi perubatan tahunan ¹ 7% (RM)	Berdasarkan inflasi perubatan tahunan 10% (RM)	
[Age]	[your contribution]	-	-	a) Deduktibel yang lebih tinggi; atau b) Had tahunan yang lebih rendah.
[Age]	[your contribution]	[a]	[b]	
[Age]	[your contribution]	[a]	[b]	
[Age]	[your contribution]	[a]	[b]	
[Age]	[your contribution]	[a]	[b]	

[Caruman takaful akan bergantung kepada umur dicapai anak anda/anda dan pelan pilihan. Sila rujuk kepada jadual caruman takaful dalam Lampiran.]

[a] Dengan andaian caruman anda meningkat sebanyak 7% setiap tahun disebabkan oleh inflasi perubatan.

[b] Dengan andaian caruman anda meningkat sebanyak 10% setiap tahun disebabkan oleh inflasi perubatan.

- Unjuran di atas adalah hanya **untuk tujuan ilustrasi sahaja**.
- Caruman takaful dipengaruhi oleh peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh peserta takaful. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di

atas. Kami sedang melaksanakan langkah-langkah pembendungan kos yang perlu dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan caruman takaful dari semasa ke semasa.

- Sejumlah caruman takaful akan digunakan untuk bayaran tuntutan. Secara purata industri, bagi setiap RM1.00 daripada caruman takaful yang dibayar, RM0.72² diperuntukkan untuk membayar tuntutan. Selebihnya digunakan untuk membayar komisen kepada wakil jualan, perbelanjaan pentadbiran dan keuntungan pengendali-pengendali takaful.

³ Ini adalah peningkatan dalam purata kos rawatan dari tahun ke tahun yang dikeluarkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.

⁴ Ini adalah berdasarkan purata data industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman sebenar pelan yang anda beli mungkin berbeza daripada purata industri.



*Lain-lain termasuk komisen (sekiranya terpakai), yuran pengurusan dan keuntungan.

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala.

Langkah 4 Apakah perkara lain yang anda perlu beri perhatian?

- Anda mesti menjawab soalan yang ditanya oleh kami dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan dalam mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan penolakan tuntutan anda atau penamatan sijil anda.
- Jika anda memutuskan untuk tidak mengambil sijil takaful ini dalam tempoh 15 hari selepas sijil ini dihantarkan kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan sijil anda dan menerima bayaran balik penuh (tolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian, bagi penyakit selain daripada penyakit tertentu. Bagi penyakit tertentu, perlindungan anda hanya akan bermula 120 hari selepas tarikh kuat kuasa atau kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian.
- Yuran wakalah³ yang perlu anda bayar adalah RM[Wakalah Fee] atau [Wakalah Fee]% daripada jumlah caruman takaful, yang dibayar sepanjang [x] tahun, di mana komisen kepada wakil jualan anda adalah RM[Commission] atau [Commission]% dan perbelanjaan pentadbiran adalah RM[Management Fee] atau [Management Fee]%. Butiran keseluruhan boleh didapati di dalam jadual Caruman, Yuran dan Caj di dalam Lampiran dengan mengimbas kod QR.

³ Angka ini adalah berdasarkan caruman takaful semasa pada umur dicapai.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Lampiran dengan mengimbas kod QR untuk butiran penuh tentang terma dan syarat utama.

Langkah 5 Sudahkah anda pertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Pelan			
	Produk yang Disyorkan	Pilihan Produk Alternatif	
	myMedic Plan [XXX]	Pilihan 1 myMediShare [PXXX]	Pilihan 2 myMedic Plan [XXX]
Caruman	RMX,XXX	RMXXX	RMX,XXX

Takaful Tahunan	<i>Ini termasuk caruman takaful tahunan bagi sijil asas takaful keluarga</i>	<i>Caruman takaful tahunan adalah [lower/higher] sebanyak RMXX</i>	<i>Caruman takaful tahunan adalah [lower/higher] sebanyak RMXX</i>
Jenis	Kemudahan tanpa tunai	Kemudahan tanpa tunai	Kemudahan tanpa tunai
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur XX ANB <i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin</i>	Sehingga umur XX ANB <i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin</i>	Sehingga umur XX ANB <i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin</i>
Ko-Takaful⁴/Deduktibel⁵	[Deductible option]	[Deductible/ co-takaful option]	[Deductible/ co-takaful option]
Bilik & Penginapan Hospital	RMXX setiap hari	RMXX setiap hari	RMXX setiap hari
Yuran Pembedahan⁶	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj
Keseluruhan Had Tahunan⁷	RMXXX,XXXX	RMXX,XXXX	RMXXX,XXXX
Keseluruhan Had Seumur Hidup⁸	Tiada had seumur hidup	Tiada had seumur hidup	Tiada had seumur hidup

⁴ **Ko-Takaful:** Peratus tetap daripada caj perubatan yang anda perlu bayar. Contohnya, 5% Ko-Takaful bermakna anda hanya perlu bayar 5% daripada bil perubatan terhad kepada RM500 bagi setiap tahun sijil, dan kami akan menanggung bakinya.

⁵ **Deduktibel:** Jumlah tetap yang anda perlu bayar bagi setiap satu keilatan sebelum kami membayar mana-mana manfaat di bawah pelan. Contohnya, RM3,000 deduktibel bermakna anda perlu membayar RM3,000 daripada poket anda sendiri dan kami akan bayar bakinya (terhad kepada had yang berkaitan).

⁶ **Yuran Pembedahan:** Ini adalah tertakluk kepada Ko-Takaful/Deduktibel.

⁷ **Keseluruhan Had Tahunan:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan dalam setahun.

⁸ **Keseluruhan Had Seumur Hidup:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan sepanjang tempoh perlindungan.

Jadual ini tidak memaparkan kesemua ciri-ciri produk yang dibandingkan. Sila rujuk kepada kami/wakil jualan anda untuk maklumat lebih lanjut mengenai perbezaan ciri-ciri produk-produk ini.

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa [sales representative's name] telah memberikan saya salinan Helaian Penerangan Produk.
- ☐ Saya sudah membaca dan memahami informasi penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

* Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

.....

Nama:

Tarikh:

LAMPIRAN – JADUAL MANFAAT UNTUK myMEDIC

No.	Deskripsi Manfaat	Amaun Maksimum (dalam RM)			
		Pelan 150	Pelan 250	Pelan 350	Pelan 500
A. HOSPITAL DAN MANFAAT PEMBEDAHAN					
1.	Bilik dan Makan Hospital Harian (Tiada had bilangan hari)	150 setiap hari	250 setiap hari	350 setiap hari	500 setiap hari
2.	Unit Rawatan Rapi (Maksimum 60 hari bagi setiap satu keilangan)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada deduktibel			
3.	Yuran Pembedahan (Pembedahan terhad kepada 90 hari selepas discaj hospital)				
4.	Bayaran Pakar Bius				
5.	Dewan Bedah				
6.	Peralatan Hospital dan Perkhidmatan				
7.	Pakar Dalam Hospital dan Lawatan Pakar				
8.	Bayaran Ambulans				
9.	Pembedahan Harian				
10.	Yuran Laporan Perubatan	100 setiap keilangan			
11.	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (Tiada had bilangan hari)	100 setiap hari			
B. RAWATAN PESAKIT LUAR					
1.	Ujian Diagnostik Pra-Hospital (Dalam tempoh 60 hari sebelum dimasukkan ke hospital)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada deduktibel			
2.	Konsultasi Pakar Pra-Hospital (Dalam tempoh 60 hari sebelum dimasukkan ke hospital)				
3.	Manfaat Selepas Penghospitalkan (Dalam tempoh 90 hari selepas discaj hospital)				
4.	Manfaat Penjagaan Kejururawatan di Rumah (Sehingga 180 hari seumur hidup)				
5.	Pemindahan Organ (Sekali seumur hidup)				
6.	Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti caj yang dikenakan			
7.	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar				
8.	Rawatan Pesakit Luar Kemalangan Kecemasan (Dalam masa 24 jam selepas kemalangan, sehingga 30 hari rawatan susulan)				
9.	Rawatan Pergigian Kemalangan Kecemasan (Dalam masa 24 jam selepas kemalangan, sehingga 30 hari rawatan susulan)				
C. HAD KESELURUHAN [Terpakai kepada kedua – dua item di bawah (A) & (B)]					
1.	Had Tahunan Keseluruhan	300,000	500,000	700,000	1,000,000
2.	Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada had sepanjang hayat			
D. MANFAAT TAMBAHAN					
1.	Perkhidmatan Antarabangsa	Bantuan	Perubatan	Kecemasan	Ya

Nota:

- a) Dicap berdasarkan caj munasabah dan biasa diamalkan, tertakluk kepada deduktibel dan Had Tahunan Keseluruhan.
- b) Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan atau mendapat rawatan di mana – mana Hospital Kerajaan, deduktibel yang dikenakan akan dikecualikan.
- c) Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital di bilik dan penginapan yang lebih tinggi daripada had manfaat bilik dan penginapan beliau, beliau perlu membayar perbezaan dalam caj bilik dan penginapan dan had tersebut.
- d) Caj Perkhidmatan sebanyak RM1sebulan dan tambahan RM4 sebulan akan ditolak sebagai Caj Penjagaan Terurus.